

**Pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca puisi kanak-kanak - Kajian pelajaran puisi
“The Land of Counterpane”**

Wong Sien Biang¹, Chun Mee Lee¹, Tan Kam Chai¹

¹IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Pahang, Malaysia

ARTICLE INFO
Article history:

Received 15 July 2021

Accepted 25 September 2021

Published 30 November 2021

Keywords:

jenis penyoalan

genre puisi kanak-kanak

kemahiran membaca

literasi membaca

pembelajaran orientasi bahasa
ibunda

*Correspondence E-mail address:
chun19-35@epembelajaran.edu.my

ABSTRAK

Kajian pelajaran ini berfokus kepada penerokaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca teks sastera yang melibatkan 30 orang guru Bahasa Cina sekolah rendah sebagai ahli komuniti pembelajaran profesional (PLC), dua orang pengajar, dua orang pakar rujuk, dua orang pengulas dan 93 orang pemerhati kelas terbuka. Kajian ini meneroka jenis penyoalan yang harus dielakkan dan yang baik untuk peningkatan literasi membaca di kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini dijalankan dalam tempoh tiga minggu secara berperingkat. Pada peringkat permulaan, tafsiran teks bahan bacaan dan rancangan aktiviti pembelajaran dibincang dalam kumpulan PLC. Selepas itu, dua rancangan pengajaran dan pembelajaran yang terpilih dilaksanakan dalam dua kelas terbuka secara berturut-turut, diikuti dengan sesi refleksi oleh pengajar dan sesi soal jawab, serta sesi maklum balas daripada pemerhati. Kaedah mengumpul data untuk kajian ini adalah pemerhatian dan analisis dokumen. Semua data dianalisis secara kualitatif. Analisis data menunjukkan bahawa soalan yang berbentuk terbuka dan tahap kognitifnya tinggi tidak semestinya akan mencetus minda murid dan membawa kefahaman yang mendalam. Soalan-soalan yang tidak berfokus kepada kefahaman tema puisi dan yang tidak ikut turutan, dari senang ke susah harus dielakkan. Jenis penyoalan yang baik adalah yang tepat menuju ke interpretasi teks dengan tepat, dan yang dapat merangsang keaktifan pemikiran murid. Kajian ini mempertingkatkan kompetensi guru dari segi kemahiran membina soalan dengan tepat, berubah dari “mengajar bahan bacaan” ke “mengajar kemahiran membaca” disamping membuka minda guru bahawa interpretasi tema puisi merupakan kunci asas kepada penghayatan puisi.

PENDAHULUAN

Kementerian Pendidikan Malaysia amat menekankan keperluan latihan dalam perkhidmatan (LDP) demi menyokong pembanguan profesionalisme dan kemajuan kerjaya guru (Perkeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3 Tahun 2020). Kajian pelajaran yang tumpu kepada peningkatan kompetensi mengajar merupakan aktiviti LDP yang semakin ditilberatkan (Iksan, Zanaton et al., 2014; Qingfang, Hu, 2016; Xiaofei, Lee, 2018), terutamanya di Sekolah Rendah Kebangsaan (Cina). Persatuan Kesusasteraan Kanak-kanak Malaysia (PKKM) mengambil inisiatif menganjurkan kajian pembelajaran sebagai LDP dalam talian untuk guru Bahasa Cina dari bulan Januari hingga bulan Februari tahun 2021. Bahan bacaan pilihan ialah puisi kanak-kanak “The Land of Counterpane” dalam buku teks tahun tiga Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), terbitan tahun 2018.

Pengajaran dan pembelajaran puisi kanak-kanak haruslah ditekankan kepada perkembangan literasi membaca yang melibatkan ciri-ciri penghayatan, emosi dan penglibatan sosial (OECD, 2019). Tumpuan pengajaran dan pembelajaran di kelas membaca kini sedang bergerak daripada “mengajar bahan

bacaan” ke “mengajar kemahiran membaca” (Rongsheng, Wang, 2014; 2021; Zhonghao, Wu, 2017) yang dapat meningkatkan literasi membaca murid dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, penekanan kepada perbendaharaan kata dan kefahaman isi kandungan secara cetek masih merupakan amalan biasa di kalangan guru Bahasa Cina (Jingzhong, Zhao, 2016; Zhonghao, Wu, 2020; Rongsheng, Wang, 2021). Untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran puisi kanak-kanak, guru harus mempertingkatkan kompetensi dari segi pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran untuk kemahiran membaca supaya murid dapat menghayati puisi secara mendalam.

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka bagaimana puisi kanak-kanak harus diajar melalui pertanyaan soalan kefahaman sebagai panduan supaya murid dapat menghayati puisi secara mendalam . Soalan-soalan kajian yang difokus adalah:

1. Apakah jenis penyoalan yang harus dielak untuk mencapai penghayatan puisi kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca?
2. Apakah jenis penyoalan yang baik untuk mencapai penghayatan puisi kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca?

TINJAUAN LITERATUR

“Mengajar Bahan Bacaan” vs “Mengajar Kemahiran Membaca”

Matlamat pengajaran dan pembelajaran membaca adalah untuk memperkembangkan literasi membaca dan tabiat membaca yang baik (Zhonghao, Wu, 2020). Penekanan dalam kelas membaca adalah memperkembangkan keupayaan murid mendapat persepsi, memahamai, menghayati dan menghargai , iaitu “mengajar kemahiran membaca”. Jika penekanan hanya diberi kepada pengetahuan tatabahasa dan kefahaman perbendaharaan kata, iaitu “mengajar bahan bacaan”, maka literasi membaca murid adalah tidak lengkap (Jingzhong, Zhao, 2016). Berdasarkan konsep “mengajar kemahiran membaca”, kefahaman terhadap teks haruslah melepasi tahap “memahami” ke tahap “menghayati”. Untuk mencapai tahap “menghayati”, bimbingan guru amatlah penting. Guru perlu mempertimbangkan isi kandungan tersurat yang murid boleh faham secara berdikari dan isi kandungan tersirat yang perlu dibimbing oleh guru.

Kelas Membaca Yang Sejati

Dalam kelas membaca yang sejati, daya kefahaman dan pemikiran kritis amat dititikberatkan (Jingzhong, Zhao, 2016). Salah satu aktiviti yang penting adalah isu perbincangan yang dapat mencetus pemikiran tahap tinggi dan seterusnya membawa ke tahap kefahaman yang tinggi, serta penghayatan yang mendalam. Untuk mencapai matlamat ini, “pengajaran” guru perlu dikurangkan, tetapi “peluang penghayatan” murid perlu dipertingkatkan. Penjanaan idea murid dibawah bimbingan guru merupakan elemen utama dalam kelas membaca yang sejati (Suying, Sun; Yingjie, Lee; Na, Zhang, 2018). Guru harus ambil berat tentang kemahiran membimbing, misalnya kebolehan membentuk soalan yang tepat dalam proses pembelajaran untuk membuka minda dan mencetus idea murid. Kelas membaca yang tradisional hanya menekankan kefahaman isi kandungan tersurat buku teks, tetapi kelas membaca yang sejati lebih menekankan penglibatan murid dalam isu perbincangan yang berkaitan dengan tema tersirat bahan bacaan (Jingzhong, Zhao).


Kaedah Penyoalan

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca puisi kanak-kanak, peranan guru adalah agen di antara puisi dan murid (Xinxi, Chen; Yujian, Xu; Yixue, Lin, 2016). Guru berperanan untuk merancang soalan-soalan perbincangan yang bermutu tinggi supaya dapat mewujudkan interaksi antara murid di samping memberi pendorongan dan motivasi untuk berfikir secara mendalam.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dalam tempoh tiga minggu secara berperingkat. Pada peringkat permulaan, perbincangan tentang interpretasi teks dan perancangan aktiviti pembelajaran dijalankan dalam kumpulan komuniti pembelajaran profesional (PLC). Selepas itu, dua rancangan pengajaran dan pembelajaran yang terpilih dilaksanakan dalam dua kelas terbuka secara berturut-turut, diikuti dengan sesi refleksi oleh pengajar, sesi komen daripada pakar rujuk jemputan dan sesi maklum balas daripada pemerhati kelas terbuka (Qingfang Hu, 2016).



Rajah 1. Prosedur Kajian Pelajaran

Kaedah mengumpul data untuk kajian ini adalah pemerhatian dan analisis dokumen. Semua data dianalisis secara kualitatif di mana data dikodkan mengikut kategori dan kemudian dibina berdasarkan tema yang menuju kepada jenis penyzoalan guru ke arah penghayatan mendalam terhadap puisi kanak-kanak. Semua data dikumpul dalam talian memgguna pelantar Microsoft Team.

Peserta Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada guru Bahasa Cina yang menyertai Kajian Pelajaran Siri 1 yang dianjurkan oleh Persatuan Kesusasteraan Kanak-kanak Malaysia. 30 orang guru menyertai sebagai ahli kumpulan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC), dua orang guru dipilih sebagai pengajar bagi dua kelas terbuka dengan murid yang berbeza, satu orang pakar rujuk jemputan, dua orang pengulas jemputan, 93 pemerhati kelas terbuka. Teks bacaan yang diguna dalam kedua-dua kelas terbuka itu adalah sama, iaitu “The Land of Counterpane” dari buku teks sekolah rendah tahun tiga. Pakar rujuk kumpulan PLC adalah profesor madya dari Institut Pendidikan Beijing negara China, pengulas merupakan dua orang guru pakar kesusasteraan kanak-kanak dan juga sebagai penyajak dari negeri Cina, pemerhati-pemerhati terdiri daripada guru sekolah rendah (72.8%), siswa pendidik (17.4%) dan lain-lain (9.8%) yang terdiri daripada pendidik sektor swasta, guru sekolah menengah dan ibu bapa.

Kaedah Pegumpulan Data

Instrumen kajian ini adalah tema-tema pengajaran pembelajaran yang dibina untuk tujuan catatan semasa pemerhatian terhadap kelas terbuka, termasuk sesi refleksi pengajar, komen pakar rujuk, ulasan pengulas jemputan, serta sesi maklum balas daripada ahli-ahli PLC yang hadir sebagai pemerhati kedua-dua kelas terbuka. Refleksi, komen dan ulasan secara lisan daripada pakar rujuk dicatat bila sesi temubual dilaksanakan sebaik sahaja kedua-dua kelas terbuka tamat. Tema-tema nota lapangan yang merangkumi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, komen pakar rujuk, ulasan pengulas, refleksi pengajar, dan tajuk-tajuk maklum balas dibina berdasarkan tinjauan literatur berkaitan dengan keberkesanan kelas membaca orientasi bahasa ibunda (Dongmei Xu, 2017) dan diakuri oleh profesor madya dari Institut Pendidikan Beijing negara China sebagai pakar rujuk kumpulan PLC kajian pelajaran ini.

Kaedah Analisis Data

Untuk menganalisis jenis penyoalan dalam pengajaran dan pembelajaran puisi kanak-kanak, kaedah kualitatif diamalkan. Data refleksi dua orang pengajar dan komen pakar rujuk dan pengulas disusun mengikut tema. Data mentah dari pemerhatian dan maklum balas dianalisis dengan diberi kod, disusun mengikut kategori dan tema secara induktif untuk mendapat jenis penyoalan yang harus dielakkan dan yang harus dibangkit dalam proses pengajaran dan pembelajaran puisi kanak-kanak serta maklum balas tentang keberkesanannya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis data kajian ini mendapati kemahiran membina soalan kefahaman adalah amat penting demi mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca (Amy, M.E. & Eric, O., 2019).

Jadual 1. *Versi asal soalan-soalan kefahaman puisi “The Land of Counterpane”*

Soalan Kelas Terbuka 1	Tahap Kognitif	Soalan Kelas Terbuka 2	Tahap Kognitif
Berapa lama diambil oleh watak untuk melakukan peperangan dan pengembaraan?	kefahaman: (<i>Jawapan boleh petik terus dari teks</i>) “ <i>And sometimes for an hour or so</i> ” (<i>yang tersirat: semua itu hanya imaginasi</i>)	Apakah maksudnya setiap rangkap puisi?	kefahaman: (<i>guru memberi penerangan rangkap demi rangkap</i>)
Apakah perasaan watak bila jatuh sakit dan berbaring di atas katil?	kefahaman: (<i>Jawapan boleh petik terus dari teks</i>) “ <i>To keep me happy all the day</i> ” (<i>yang tersirat: watak rasa sangat bosan</i>)	Kenapa watak dapat mengembara ke begitu banyak tempat pada masa yang singkat?	analisis: (<i>tidak ditanya dengan urutan yang teratur</i>)

Dapatan daripada analisis (Jadual 1) menunjukkan bahawa soalan yang berbentuk terbuka dan tahap kognitifnya tinggi tidak semestinya dapat mencetus minda murid dan membawa kefahaman yang mendalam.

Contohnya di kelas 1, soalan-soalan “berapa lamakah” “apakah” ditanya, nampaknya sesuai tetapi soalan-soalan ini telah mengelirukan murid. Ini adalah kerana walaupun secara tersurat, puisi ini menggambarkan seorang budak sedang bermain dengan mainannya (berperang di hutan dan berlayar di lautan) dengan gembira, akan tetapi pada hakikatnya semua ini hanya imaginasi, dan imaginasi ini sebenarnya menunjukkan bahawa dia sedang berbaring di katil dengan selimutnya dan berasa sangat bosan. Soalan-soalan jenis ini bukan sahaja tidak dapat membimbing murid untuk memahami bahan bacaan malah semakin jauh dari temanya.

Soalan pertama di kelas 2 pula, sebenarnya bukan soalan yang diajukan kepada murid tetapi hanya kata-kata mukadimah bagi guru untuk memberi penerangan maksud perbendaharaan setiap rangkap puisi. Soalan kedua pula walaupun bertahap tinggi, tetapi soalan itu ditanya secara mengejut tanpa soalan-soalan sokongan yang lebih mudah sebagai asas kefahaman.

Analisis soalan-soalan versi set asal menunjukkan bahawa jenis penyoalan yang harus dielakkan untuk mencapai penghayatan puisi kanak-kanak adalah:

- Soalan yang tidak berfokus pada kefahaman tema puisi
- Soalan yang tidak ikut turutan dari mudah ke susah

Jadual 2. *Versi permurnian soalan-soalan kefahaman puisi “The Land of Counterpane”*

Soalan kefahaman	Makna yang berkaitan dengan tema puisi	Tema
1. Apakah sebenarnya berada di atas selimut?	tersurat: askar, hutan, kapal, lautan, pokok, bangunan tersirat: mainan seorang budak	imaginasi
2. Apakah sebenarnya berlaku di atas selimut?	tersurat: peperangan di hutan dan lautan tersirat: seorang budak bermain dengan mainannya di atas katil	imaginasi
3. Bagaimanakah tuan punya selimut berasa pada ketika itu?	tersurat: budak bermain dengan gembira tersirat: budak sakit yang bosan berbaring di katil	sifat keanak-anakan yang suka berimaginasi

Berdasarkan soalan-soalan versi permurnian (Jadual 2) yang dicadangkan, didapati jenis penyoalan yang baik adalah yang berasaskan intepretasi teks yang tepat, dan yang dapat merangsang keaktifan pemikiran murid.

Misalnya, perkataan “di atas selimut” berulang dua kali dalam soalan 1 dan 2, berfokus tepat kepada lokasi yang membawa makna puisi yang bertemakan imaginasi. Dua soalan ini merupakan petunjuk kepada apa yang sukar difahami oleh murid dan akan membuka minda murid untuk memahami apakah sebenarnya dilakukan oleh watak.

Perkataan “apakah sebenarnya” sangat sesuai diguna sebagai petunjuk kepada sesuatu yang tersembunyi dan perlu diteliti dengan lebih mendalam. Perasaan ingin tahu murid dapat dicungkil. Ini juga akan dapat mencipta peluang kepada murid untuk berinteraksi dalam kelas dan seterusnya dapat menghayati puisi tersebut dengan lebih mendalam.

Soalan ketiga pula diaju dari aspek perasaan murid sebagai pembaca. Ini dapat merangsangkan lagi penghayatan murid secara individu dari segi pemikiran dan emosi.

Analisis soalan versi permurnian menunjukkan bahawa jenis penyoalan yang baik untuk mencapai penghayatan puisi kanak-kanak adalah:

- Soalan yang diaju mesti tepat pada apa yang murid perlu teliti bagi menghayati tema puisi dan yang dapat merangsangkan keaktifan pemikiran murid

KESIMPULAN

Kajian pelajaran ini dilaksanakan untuk mempertingkatkan kompetensi guru dari segi amalan pembinaan soalan kefahaman dalam kelas membaca puisi kanak-kanak, berubah dari “mengajar bahan bacaan” ke “mengajar kemahiran membaca”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jenis penyoalan yang harus dielakkan untuk mencapai penghayatan puisi kanak-kanak adalah soalan yang tidak berfokus pada kefahaman tema puisi dan soalan yang tidak ikut turutan, dari senang ke susah. Disamping itu, soalan-soalan kefahaman haruslah berdasarkan interpretasi guru terhadap puisi, tetapi perlu disesuaikan dengan tahap murid supaya pemikiran aktif berlaku pada minda murid. Kajian ini akan mengubah amalan bertanya soalan kefahaman mengikut turutan rangkap secara tegar dan cetek. Dengan adanya versi permurnian soalan kefahaman sebagai referen, kajian ini dapat membuka minda guru bahawa intepretasi tema puisi merupakan kunci asas kepada penghayatan puisi dalam kelas membaca, dan juga pentingnya untuk membina soalan-soalan kefahaman mengambilkira penjanaaan idea serta keperluan murid secara autentik.

Soalan kefahaman merupakan elemen yang penting untuk penghayatan bahan bacaan dalam kelas membaca yang sejati. Justeru, kemahiran pembinaan soalan kefahaman guru adalah amat penting. Guru yang dapat membina dan mengungkit soalan kefahaman yang tepat dan bermutu akan dapat mendorong ke penghayatan yang mendalam. Sebenarnya, guru merupakan agen di antara murid (sebagai pembaca muda) dan bahan bacaan. Sebagai pembaca dewasa, guru harus menghayati teks bacaan dengan tepat dahulu, mengenalpasti isi penting, makna tersirat dan tema. Seterusnya guru perlu berfikir berdasarkan tahap murid untuk membina soalan-soalan kefahaman yang sesuai serta mengikut turutan mudah ke susah (Xinx, Chen; Yujian, Xu; Yixue, Lin, 2016).

Kajian ini berfokus kepada jenis penyoalan yang dibina oleh guru, dicadangkan bahawa kajian yang akan datang dapat menyusul dari aspek kaedah bertanya yang diamalkan oleh guru. Dicapadkan juga kajian yang akan datang bersasar kepada kumpulan komuniti pembelajaran profesional (PLC) kelas terbuka untuk meneroka perkembangan kompetensi dari segi pembinaan penyoalan guru Bahasa Cina di pendidikan rendah.

RUJUKAN

- Amy, M.E. & Eric, O. (2019). Reading comprehension research: implication for practice and policy. *Sage Journals*, 6(1). Retrieved from <http://doi.org/10.1177/2372732218816339>
- Dongmei, Xu. (2016). *The construction and experimental study of thr curriculum of children's Reading in elementary School*. Beijing: Beijing Normal University Press, 2016
- Iksan, Zanaton & Nor, Siti & Mahmud, Siti & Zakaria, Effandi. (2014). Applying the Principle of "Lesson Study" in Teaching Science. *Asian Social Science*. 10(4), 108.
- Jingzhong, Zhao.(2016). *Tisheng Yuedulide Jiaoyuxue*, Taibei: Wan Juan Lou Books Company Limited.
- OECD (2019), PISA 2018 Assessment and Analytical Framework, PISA, OECD Publishing, Paris, Retrieved from <https://doi.org/10.1787/b25efab8-en>.
- Qingfang, Hu.(2016). *Keli Yanjiu, Women Yiqilai* (2nd ed.), Beijing: Educational Science Publishing House.
- Rongsheng, Wang.(2014).*Yuedu Jiaoxue Sheji Yaojue*, Beijing: China Light Industry Press.
- Rongsheng, Wang.(2021).*Ting Wangrongsheng Jiaoshou Jiangke*, Beijing: China Light Industry Press.
- Suying, Sun; Yingjie, Lee; Na, Zhang. (2018). *Xiaoxue Yuwen Youxiao Jiaoxue*, Beijing: Beijing Normal University Publishing House.
- Xiaofei, Lee.(2018). *Keli Yanjiu: Cong Guifan Zouxianchangtai*, Shanghai: East China Normal University Press.
- Xinxi, Chen; Yujian, Xu; Yixue, Lin. (2016). *Youxiao Tiwen*, Taibei: Commonwealth Education Media And Publishing Co., Ltd.
- Zhonghao, Wu.(2017). *Cong "Jiaokewen" dao "Jiaoyuwen"*, Beijing: Higher Education Press.
- Zhonghao, Wu.(2020). *Cong "Xiaoxue Yuwen Kecheng Yu Jiaoxue"*, Beijing: China Renmin University Press.

Teks Bahan Bacaan Kelas Terbuka (versi bahasa Inggris):

The Land of Counterpane

~Robert Louis Stevenson

When I was sick and lay a-bed,
I had two pillows at my head,
And all my toys beside me lay,
To keep me happy all the day.

And sometimes for an hour or so
I watched my leaden soldiers go,
With different uniforms and drills,
Among the bed-clothes, through the hills;

And sometimes sent my ships in fleets
All up and down among the sheets;
Or brought my trees and houses out,
And planted cities all about.

I was the giant great and still
That sits upon the pillow-hill,
And sees before him, dale and plain,
The pleasant land of counterpane.